

KENYATAAN MEDIA
UNTUK SIARAN SEGERA

**PROJEK PEMBINAAN KILANG VAKSIN DAN INSULIN HALAL
PERTAMA DUNIA PHARMANIAGA HAMPIR SIAP 90%**

SHAH ALAM, 21 OKTOBER 2022 – Kilang biofarmaseutikal Halal yang pertama di dunia, milik Pharmaniaga LifeScience Sdn Bhd (PLS), sebuah anak syarikat milik penuh Pharmaniaga Berhad (Pharmaniaga) yang menyediakan fasiliti kilang vaksin dan kilang insulin kini masing-masing telah mencapai tahap 90% dan 70% pembinaan.

Datuk Zulkarnain Md Eusope, Pengarah Urusan Kumpulan Pharmaniaga berkata projek pembinaan bagi tujuan pengkomersilan ini disasarkan siap pada Suku ke-3 2024 bagi kilang vaksin, manakala kilang insulin bakal siap pada Suku ke-4 2025.

"Apabila kedua-ke dua kilang vaksin dan kilang insulin siap, ia akan dapat membantu negara mengurangkan kebergantungan kepada vaksin dan insulin import.

"Pengeluaran vaksin di peringkat tempatan juga akan membantu meningkatkan tahap sekuriti ubat-ubatan, sekaligus menjadikan negara lebih bersedia menghadapi sebarang ancaman pandemik di masa hadapan.

"Projek vaksin dan insulin Halal yang dilaksanakan di kilang berteknologi tinggi yang diperakui EU ini adalah salah satu tonggak pertumbuhan strategik Kumpulan yang akan turut memacu pertumbuhan masa depan industri biofarmaseutikal Halal negara.

"Pembinaan kedua-dua kilang ini telah dirancang sejak 2017, malah sebelum terjadi pandemik COVID-19. Turut dalam perancangan ialah program pemindahan teknologi dengan rakan-rakan kongsi kami. Selari dengan perancangan ini, pendaftaran sedang berjalan dengan pihak berkuasa untuk produk yang bakal dihasilkan di fasiliti itu," kata Datuk Zulkarnain.

Pada awal Oktober, PLS menerima penghantaran peralatan bagi kilang vaksin, yang terdiri daripada Washer-Steriliser, Denester, Automatic Visual Inspection (AVI) dan mesin pelabelan selepas melengkapkan Ujian Penerimaan Kilang (FAT) pada bulan Julai tahun ini. Ujian penerimaan FAT lain seperti untuk Purified Water, Water for Injection and Pure Steam Generator, dirancang dan dijangka siap pada Disember 2022.

Ujian FAT lain yang perlu dilaksanakan sebelum projek perluasan fasiliti insulin Halal siap sepenuhnya termasuk; ujian FAT untuk mesin pelabelan dan pembungkusan lepuh yang dijangka siap pada hujung 2022 dan ujian FAT untuk Pensteril-Pencuci, Mesin pengisian Kartrij dan mesin Pemeriksaan Visual Automatik (AVI) dijadualkan siap pada tahun 2023.



Bahagian Pengilangan Pharmaniaga terdiri daripada enam buah kilang di seluruh Malaysia dan dua di Indonesia yang menghasilkan rangkaian produk farmaseutikal, biofarmaseutikal, over-the-counter (OTC) dan nutraseutikal. Ini termasuk produk kategori terapeutik yang berbeza seperti kardiovaskular, pernafasan, gastrousus, anti-diabetes, analgesik, anti-jangkitan, vaksin, insulin dan suplemen kesihatan untuk pasaran tempatan dan antarabangsa.

Pharmaniaga adalah sayap perniagaan farmaseutikal untuk Kumpulan Boustead Holdings Berhad dan bersama-sama Lembaga Tabung Angkatan Tentera, merupakan pemegang-pemegang saham utama Syarikat.

-TAMAT-

MENGENAI PHARMANIAGA BERHAD

Pharmaniaga Berhad adalah ahli Kumpulan Boustead dan merupakan sebuah syarikat perkhidmatan kesihatan bersepadu yang terbesar di Malaysia. Tersenarai di Bursa Malaysia, teras perniagaan Kumpulan Pharmaniaga adalah logistik dan pengedaran produk farmaseutikal; pembuatan produk farmaseutikal generik dan peranti perubatan; pemasaran dan jualan; penyelidikan dan pembangunan; pembekal dan pemasangan peralatan perubatan, serta farmasi komuniti. Dengan kekuatan dan kepakaran merentasi rantaian perkhidmatan kesihatan, operasi perniagaan Kumpulan Pharmaniaga berkembang teguh di Malaysia dan meluaskan pasaran dengan membina tapak di Indonesia dan Vietnam, sekaligus mengukuhkan kedudukan syarikat sebagai peneraju serantau dalam arena farmaseutikal antarabangsa.

Dikeluarkan untuk Kumpulan Pharmaniaga oleh Jabatan Komunikasi Korporat, Pharmaniaga Berhad. Untuk sebarang pertanyaan, hubungi Dato' Najmuddin Abdullah di talian 019-3387777, emel najmuddin@pharmaniaga.com atau Dato' Zuhri Iskandar Kamarzaman di talian 03-3342 9999 samb. 434, email zuhri@pharmaniaga.com.